



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

ISU SUSU MENTAH DIMINUM TERUS TANPA PERLAKUAN HABA

Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil maklum bahawa terdapat penjualan susu mentah untuk diminum terus tanpa perlakuan haba. KKM mendapat maklumat pihak tertentu mempromosikan susu mentah yang tidak dikenakan perlakuan haba dengan menyatakan kawalan rantai sejuk adalah dikekalkan dan susu tersebut adalah selamat untuk diminum terus.

KKM ingin menegaskan bahawa meminum susu mentah termasuk susu lembu dan kambing tanpa perlakuan haba seperti pendidihan atau pempasteuran boleh meningkatkan risiko seseorang mengalami jangkitan penyakit seperti *bovine tuberculosis* (bovine TB) dan *brucellosis* kerana susu mentah boleh mengandungi bakteria berbahaya seperti *mycobacterium bovis* dan *brucella*. Di samping itu juga, meminum susu unta mentah tanpa perlakuan haba seperti pempasteuran disyaki menjadi punca jangkitan penyakit *Middle East Respiratory Syndrome* (MERS) dalam beberapa kes kerana susu mentah berkenaan berkemungkinan mengandungi virus MERS-CoV. Penyakit-penyakit ini boleh membawa maut.

Penjualan susu mentah tanpa perlakuan haba adalah satu kesalahan di bawah Peraturan 51(1A), Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Akta Makanan 1983 yang akan berkuatkuasa mulai 1 Disember 2016 dan sesiapa yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun.

KKM menyeru orang ramai supaya tidak meminum terus susu mentah tanpa perlakuan haba. Sekiranya membeli susu mentah, orang ramai

hendaklah mendidihkan susu tersebut sebelum meminumnya. KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan

20 November 2016